

## IKLAN JAWATAN KOSONG



### PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT

#### 1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan/ Gred : Penolong Pegawai Penerangan Gred S29
- 1.2 Kementerian/ Jabatan : Parlimen Malaysia
- 1.3 Taraf Jawatan : Personel MySTEP
- 1.4 Kekosongan : Satu (1)

#### 2. KADAR UPAH : RM1,900.00

#### 3. SYARAT KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.3 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3.4 Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3.5 Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3.6 Mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- 3.7 Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam menguruskan penyelarasan majlis/program, melaksanakan program perhubungan awam, membantu pengurusan lawatan rasmi institusi dan kebolehan dalam pengucapan awam;

- 3.8 Berpengalaman dalam melaksanakan penerbitan-penerbitan bercetak dan digital secara berkala (Majalah, Buku Kecil, Laporan Tahunan, Koleksi Ucapan); dan
- 3.9 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga dan calon yang dipanggil temu duga perlu membawa satu (1) salinan Sijil Vaksinasi COVID-19 yang lengkap.

#### **4. CARA MEMOHON**

- 4.1 Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara online di Portal Rasmi Parlimen Malaysia ([www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)).
- 4.2 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik, salinan Perakuan Perkhidmatan Pegawai terdahulu dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas).
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR  
(u.p: Seksyen Pengurusan Sumber Manusia Dan Inovasi)**

#### **5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 7 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)**

**Tarikh Iklan : 30 OGOS 2023 (RABU)**

#### **Catatan Am :**

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.